

# UMS Link tumpu program baru

UM 05.09.2012 26

KOTA KINABALU 4 Sept. - UMS Link Holdings Sdn. Bhd. (UMS Link) iaitu sebuah syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus memberi tumpuan terhadap program-program baru dan mengkomersialkan hasil kajian penyelidikan oleh universiti itu.

Pengarah Urusan Kumpulan UMS Link Holdings Sdn. Bhd., Wan Mohd. Azeelan Adnan berkata, pihaknya bakal mempergiatkan tiga bidang utama sebagai langkah menjana pendapatan UMS.

"Visi utama kami ialah untuk meningkatkan pendapatan, meningkatkan keupayaan modal insan dan mengantarabangsakan syarikat UMS Link," katanya di sini baru-baru ini.

Justeru, dalam Pelan Strategik UMS Link Fasa Kedua, Wan Mohd Azeelan menggariskan tiga teras utama yang perlu diberi tumpuan iaitu sektor pendidikan dan latihan, perniagaan asas tani dan akuakultur serta hartanah.

Beliau berkata, bagi memastikan ketiga-tiga bidang itu berjaya, satu rangka pelan tindakan akan disediakan selain menetapkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang akan menjadi pendorong dalam meningkatkan pendapatan UMS Link.

Katanya, pendekatan yang diambil dalam menggerakkan ketiga-tiga sektor ini akan berlandaskan pengkomersialan sebagai asas pelaksanaan.

"Pengkomersialan akan menjadi asas dalam aktiviti UMS Link kerana ia memberi makna yang meluas apabila semua aspek dalam sistem utama UMS iaitu dari program-program akademik, penyelidikan dan kepakaran modal insan di UMS boleh diketengahkan melalui ketiga-tiga sektor yang dinyatakan," ujarnya.

Dalam membangunkan bidang pendidikan dan latihan, Wan Mohd Azeelan memberitahu bahawa fokus pula dilakukan bagi meningkatkan bilangan pelajar separuh

masa, pelajar antarabangsa dan program-program vokasional serta eksekutif.

"Antara usaha yang akan dilaksanakan ialah untuk bekerjasama dengan pihak UMS dalam membangun dan menawarkan Program Asasi Bukan Sains," tambahnya.

Menurut Wan Mohd Azeelan, hasrat UMS Link agar UMS dapat menawarkan Program Asasi Bukan Sains akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar khususnya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak memenuhi kelayakan minimum untuk memasuki pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang sains sosial, seni dan perniagaan.

Begitupun, katanya, cadangan program berkenaan hanya akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Senat UMS.

Dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar dan program ek-

sekutif, Wan Mohd Azeelan berkata, pendekatan berorientasikan industri akan diberi perhatian memandangkan langkah itu lebih praktikal dan relevan dalam usaha mentransformasikan modal insan.

"Penglibatan aktif oleh pihak industri dalam pembangunan kurikulum pengajian bercorak eksekutif amat diperlukan. Justeru, sinergi antara universiti melalui syarikat-syarikat universiti UMS Link mampu merapatkan jurang di antara pihak industri dan institusi pengajian tinggi.

"Saya yakin jika kita mahu modal insan dan tenaga kerja organisasi yang berpengetahuan dan cemerlang, penglibatan ahli korporat dalam kurikulum dan pengajaran mahupun penyelidikan perlu. Kita boleh melantik mereka sebagai tenaga pengajar dan penilai bagi program-program eksekutif dan vokasional di UMS," katanya.



**WAN Mohd. Azeelan Adnan (kiri) menerima dokumen daripada bekas Pengarah Urusan Kumpulan UMS Link, Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi (kanan) sambil diperhatikan Pengerusi UMS Link, Datuk K.Y. Mustafa pada majlis serah tugas di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.**